

22/06/2001

Melayu mesti ubah sikap untuk tandingi kaum lain

ORANG Melayu perlu mengubah sikap terlalu bergantung kepada kerajaan bagi memastikan kedudukan ekonomi dan sosial mereka setanding bangsa lain.

Tinjauan Berita Harian di kalangan perwakilan dan pemerhati pada Perhimpunan Agung Umno semalam, mendapati mereka setuju dengan amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa orang Melayu ketika ini ketinggalan dalam serba-serbi dan perlu dipandang serius.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, orang Melayu yang berjaya ialah mereka yang berusaha sendiri, melakukan kerja halal dan bekerja tanpa bergantung kepada pihak lain termasuk kerajaan.

Abdul Wahab Awang, 51, dari Kota Tinggi, Johor, berkata walaupun orang Melayu sekarang memegang tampuk kuasa politik, namun masih ramai yang daif dan miskin sekalipun tinggal bandar.

"Mereka perlu berubah dan jangan terlalu bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan bantuan seperti pinjaman kewangan.

"Pelbagai bantuan dan dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) diwujudkan bagi membantu orang Melayu tetapi hingga kini keadaan tidak banyak berubah.

"Sepatutnya orang Melayu tidak kira dari parti mana perlu bersatu supaya pembangunan dapat dinikmati semua orang Melayu di seluruh negara," katanya.

(END)